

Siswa UMT tonjol bakat terpendam

SH 26/03/08 pg-T24

Kumpulan Boria UMT yang mendendangkan lagu boria tampil di atas pentas. Kelincahan penari boria ini juga menghangatkan lagi majlis tersebut bagi mengurangkan debaran peserta sementara menanti keputusan bagi yang layak menerima anugerah.

■ NORHAFIZA MUSA

MALAM Anugerah Iklan dan Dokumentari (MAID) 2008 yang berlangsung pada 18 Mac lalu bertempat di Dewan Sultan Mizan (DSM) Universiti Malaysia Terengganu turut dimeriahkan dengan persembahan daripada pelajarnya.

Persembahan bermula dengan nyanyian daripada pelajar UMT dan merupakan peserta akhir pertandingan Bintang Irama Malaysia, iaitu Mohd. Khairul Nizam Kamarozaman yang membawakan lagu 'Perpisahan' dengan penuh bertenaga dan Helmiza Erni Haddy Shariff yang membawakan sebuah lagu tradisional yang bertajuk 'Bisikan Hati'.

Persembahan sketsa turut dipersembahkan untuk tetamu yang hadir dengan aksi mereka yang menghiburkan.

Kumpulan Boria UMT yang mendendangkan lagu boria tampil di atas pentas. Kelincahan penari boria ini juga menghangatkan lagi majlis tersebut bagi mengurangkan debaran peserta sementara menanti keputusan bagi yang layak menerima anugerah.

Kumpulan ini baharu sahaja mengadakan persembahan di Kuala Lumpur dan masih bertenaga untuk menghiburkan tetamu pada malam tersebut.

Tidak ketinggalan membuat persembahan ialah Kumpulan Baratham dengan tarian yang rancak dengan diiringi muzik nyanyian lagu India. Persembahan mereka sungguh menghiburkan memandangkan sangat sukar untuk melihat persembahan daripada kalangan orang India di luar UMT. Melihat persembahan tarian mereka yang rancak seolah-olah menyaksikan filem Hindustan pula.

Pada akhir majlis, Helmiza dan Mohd. Khairul Nizam menyanyikan lagu duet yang popular iaitu 'Seindah Biasa' dan mengajak semua rakan seangkatan mereka sama-sama naik ke pentas untuk menyanyikan bait lagu itu bersama.



HELMIZA ERNI
HAADY SHARIFF



Antara sketsa menarik yang dipersembahkan.



Orang ramai